



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	eAGRO PLATFORM PERTAMA PASAR PRODUK INPUT PERTANIAN, BH -ONLINE MAFI LAUNCHES MAIDEN ONLINE PLATFORM FOR AGRI-INPUTS, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	25 NELAYAN VIETNAM DIDENDA RM7 JUTA, LOKAL, HM -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7. 8.	SYARAT PEMBIAYAAN PROGRAM PEMODENAN VESEL DIPERMUDAH, BH -ONLINE 'PASTIKAN DANA DITERIMA NELAYAN AKHIR TAHUN INI', LOKAL, HM -22 MELONJAKKAN INDUSTRI PERIKANAN USAHA BERTERUSAN KERAJAAN, NEGARA, KOSMO -6 FISHERMEN LOOKING TO BETTER DAYS, NATION, THE STAR -14 INDUSTRI PERIKANAN NEGARA TERBELA, NASIONAL, SH -7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9. 10.	MARDI SUCCESSFULLY INVENT 52 TYPE OF PADDY RICE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A17 MARDI HASILKAN PADI BERAS WANGI UNTUK PESAKIT DIABETES, NEGARA, KOSMO -16	INSTITUT PENYELIDIKANDAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	PADI SEED DISTRIBUTION TO BE FINISHED BY THURSDAY, NEWS, NST -13	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	BAJET 2022: PERAK MAHU TINGKAT HASIL PADI SETANDING KEDAH, SELANGOR, UM -ONLINE ALAM SEMULAJADI DI PENERANG AKAN DIPELIHARA - HASNI, UM -ONLINE YOGESWARAN TINGGALKAN RESTORAN ANTARABANGSA UNTUK BERBUDI PADA TANAH, MSN NEWS -ONLINE PENTERNAK RUGI RM150,000 IKAN KELI DIHANYUT BANJIR, NEGARA, KOSMO -18 RUGI RM150,000 AKIBAT BANJIR, DALAM NEGERI, UM -31 LAMAM SMK BUKIT JAWA DIPENUHI SERAI GUNUNG, DALAM NEGERI, UM -31 POKOK BUKIT PERLIS BERNILAI TINGGI, GAYA TANI, UM -21 & 22 GALAK PENDUDUK SERTAI PERTANIAN BANDAR ORGANIK, FORUM, UM -19 BAJET 2022 TIDAK UBAH NASIB PESAWAH, EKONOMI, UM -34	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

eAGRO platform pertama pasar produk input pertanian



Ronald Kiandee menyampaikan ucapan pada majlis pelancaran platform dalam talian eAGRO untuk membantu pekebun kecil. - Foto Bernama

SERDANG: Pengusaha pertanian kini boleh mendapatkan secara terus input pertanian seperti baja, racun, ubat-ubatan, makanan ternakan, biji benih dan peralatan pada harga berpatutan melalui laman web eAGRO.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata eAGRO adalah platform dalam talian pertama di Malaysia memasarkan produk input pertanian untuk memudahkan petani, pesawah dan pihak terbabit dalam industri agromakanan mendapatkan keperluan pertanian.

"Platform ini mengurangkan pembabitan orang tengah dalam pemasaran produk input pertanian kepada pemain industri agro makanan di seluruh negara," katanya pada majlis pelancaran eAGRO, di sini, hari ini.

Turut hadir kedua-dua timbalan menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengerusi Eksekutif eAgro, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

Ronald berkata, kemudahan platform seperti eAGRO itu bertepatan dengan strategi MAFI memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem rantaian makanan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

"MAFI sentiasa menyokong kemudahan atau platform seperti eAGRO dan ia wajar dimanfaatkan pemain industri pertanian negara bagi membantu golongan pengusaha pertanian menambah baik pengurusan pertanian mereka serta meraih pendapatan lebih baik," katanya.

Sementara itu, Syed Razlan berkata, platform eAGRO akan membolehkan pekebun kecil berhubung dengan penjual dan pengeluar bahan input pertanian, pada masa sama menawarkan produk berkualiti dengan harga berpatutan.

"Hasrat kami ialah menghubungkan golongan petani dengan penjual, peruncit dan pengeluar melalui platform secara dalam talian ini, yang mana semua pemain dalam segmen input pertanian dapat mewujudkan komuniti kuat supaya mereka boleh mendapat produk berkualiti dengan mudah dan berbagai pilihan.

"Kami mahu meningkatkan akses terhadap produk input pertanian berkualiti untuk pekebun kecil bagi meningkatkan hasil pengeluaran, seterusnya memberi manfaat kepada negara," katanya.

Beliau berkata, pekebun kecil yang mendaftar sebagai ahli di platform eAGRO boleh menikmati pulangan tunai dua peratus untuk pembelian langsung dan pada masa sama mempunyai pilihan pembayaran ansuran tanpa faedah untuk pembelian melebihi had ambang tertentu. – BERNAMA

Headline	MAFI launches maiden online platform for agri-inputs		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	02 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	3	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	438 cm ²
Journalist	S BIRRUNTHA	AdValue	RM 4,599
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,797



MAFI launches maiden online platform for agri-inputs

by S BIRRUNTHA

THE Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) yesterday introduced the first online platform, eAGRO for agricultural inputs (agri-inputs) in Malaysia.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said eAGRO aims to be the trusted platform to ensure smallholders connect with merchants and agri-input producers, while offering quality products at affordable prices.

He added that the platform was also created to assist smallholders by increasing the effective delivery of agri-inputs, while promoting price transparency between smallholders, merchants and agri-input producers.

"A platform like eAGRO is in line with key strategies in expanding technological adaptation in food systems as a pragmatic measure to increase the efficiency and productivity of systems based on economies of scale and sustainable agriculture."

"The ministry is also actively expanding and strengthening the marketing of agricultural products, especially through e-commerce platforms that have been identified and are appropriate to enhance the marketability and availability of

agricultural products for the domestic market and the international market.

"This not only reflects the sign of our times but also how technological advancement is so important for the agriculture industry to move forward," the minister said after officiating the launch of eAGRO at Universiti Putra Malaysia yesterday.

Among the agri-inputs that can be found on the eAGRO platform include seed packs, seedlings, fertilisers, antibiotics, livestock vaccines, animal feeds, fish feed and agricultural equipment.

While the platform enables smallholders to place their orders by browsing through a selection of agri-input products on the platform, they would also have the option of either having the products delivered to their doorstep or picking up the products at the nearest local store after placing their orders online.

Ronald noted that the initiative also contributes as one of the many solutions we need to improve food security in the country.

He also applauded the efforts by eAGRO in assisting smallholders and not leaving any party within the value chain behind.

Apart from offering a wide selec-



Ronald says the initiative also contributes as one of the many solutions needed to improve food security in the country

tion of agri-input products, eAGRO also strives to facilitate the sharing of reliable information with smallholders, such as providing fertiliser analysis services through the platform.

This enables smallholders to receive accurate information on the nutrient content of specific fertilisers.

Meanwhile, eAGRO executive chairman Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail said eAGRO aims to leverage technology to bring together all players within the agricultural input space, connecting smallholders nationwide

with merchants and producers of various agri-input offerings.

He said this is important to increase accessibility of quality agri-inputs to smallholders in order to boost their production yield, which in turn would be beneficial to the nation.

"We must keep in mind that it is the smallholders that are growing crops that would end up on our tables, but who don't necessarily have the accessibility to quality products and equipment to increase the productivity of their crops."

"We want to connect these small-

holders — who are essentially the backbone of the agriculture industry in Malaysia — with merchants and retailers through the platform so that quality products and equipment can be made available to them.

"This would inevitably increase the economic conditions of smallholders as well," he noted.

As such, Syed Razlan said the platform is looking forward to including all players within the agricultural input space and creating a community that is strong and reliable.

eAGRO members have a few payment options to choose from and smallholders who sign up as members of the platform would be able to enjoy 2% cashback for outright purchases.

Additionally, members will also have the option of interest-free instalment payments for purchases above a certain threshold.

CIMB Bank Bhd cardholders are eligible for a six-month interest-free instalment payment with a minimum purchase of RM600 and a 12-month interest-free instalment for a minimum purchase of RM1,200.

eAGRO hopes to collaborate with more financial institutions in the future for the benefit of smallholders.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12



SERAMAI 25 nelayan warga Vietnam berusia antara 24 hingga 53 tahun termasuk empat tekong didenda sebanyak RM7 juta kerana menceroboh perairan negara. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

25 nelayan Vietnam didenda RM7 juta

Kota Bharu: Seramai 25 nelayan warga Vietnam termasuk empat tekong didenda sebanyak RM7 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana menceroboh perairan negara untuk menangkap hasil laut.

Semua tertuduh berusia 24 hingga 53 tahun mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahrudin.

Mengikut pertuduhan, kesemua tertuduh didakwa menangkap hasil laut iaitu ikan dan gamat tanpa permit sah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dalam per-

airan Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di perairan Kelantan berdekatan Tok Bali, Pasir Puteh dan Kuala Besar, Kota Bharu antara 23 Februari tahun ini sehingga 25 September lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 15 (1) (a) dan Seksyen 24(1) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan Seksyen 34 Kanun Keseksanan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985 dibaca bersama Seksyen 52 (1) (a)

(i) dan (ii) akta yang sama.

Hukuman mengikut Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985 memperuntukkan denda tidak lebih RM6 juta setiap orang dalam hal empunya atau nakhoda dan RM600,000 setiap kru.

Manakala Seksyen 52(1)(a)(i) dan (ii) Akta Perikanan 1985 pula memerintahkan vesel (termasuk peralatan) yang digunakan dilucuthakkan dan hasil semua tangkapan dilucuthakkan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan

Pendakwa Raya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Haryati Abdullah dan tujuh tertuduh diwakili peguam Muhammad Hasif Hassan, manakala 18 tertuduh lagi tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Haryati memohon hukuman setimpal dikenakan terhadap semua tertuduh kerana menceroboh perairan negara.

Mahkamah kemudian mengenakan denda antara RM200,000 sehingga RM600,000 untuk setiap tertuduh dan gagal bayar boleh dipenjarakan antara enam hingga lapan bulan.

Kesalahan dilakukan antara 23 Februari sehingga 25 September lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Syarat pembiayaan program pemodenan vesel dipermudah



Ronald Kiandee berucap pada majlis pelancaran sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM di Dewan Besar LKIM, hari ini. - NSTP/FATHIL ASRI.

PUTRAJAYA: Syarat permohonan pembiayaan Program Permodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan akan dipermudahkan apabila sebahagian besar peruntukan RM150 juta disediakan kerajaan untuk membantu nelayan diagihkan kelak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk

Seri Dr Ronald Kiandee, berkata perbincangan untuk memudahkan syarat akan dilakukan di peringkat kementerian supaya dana bagi membantu nelayan Zon A dan B menaik taraf peralatan, pukot dan bot itu dapat dimanfaatkan sewajarnya.

Tanpa mendedahkan jumlah dana belum diagihkan, Ronald berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu memastikan dana itu digunakan sepenuhnya menjelang hujung tahun ini.

"Sebahagian besar belum digunakan dan sebab itu kita mahu olah dana itu dengan syarat baharu supaya dana dapat dimanfaatkan sektor ini," katanya selepas Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), dekat sini, hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Ronald berkata, sejak ditubuhkan pada 1 November 1971, LKIM banyak membantu menaik taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan, menerusi pelbagai program dan inisiatif termasuk meningkatkan produktiviti tangkapan hasil laut dan mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan.

Pada tahun ini, katanya, lebih RM150 juta diperuntukkan untuk bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program Bakul Makanan Nelayan.

Ronald berkata, ESHN pada tahun ini juga dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan, yang memberi manfaat kepada lebih 40,000 nelayan laut.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

'Pastikan dana diterima nelayan akhir tahun ini'

Puchong: Sebahagian besar dana berjumlah RM150 juta yang diperuntukkan bagi Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan pada tahun ini masih belum disalurkan kepada nelayan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, dana itu perlu dimanfaatkan oleh golongan terbabit bagi memastikan pertumbuhan pesat sektor perikanan.

"Di peringkat kementeri-

an, kami akan melakukan perbincangan untuk memastikan dana ini disalurkan kepada golongan terbabit termasuk cadangan mempermudah syarat kelulusan pinjaman.

"Kami akan pastikan dana disalur menjelang akhir tahun ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Jubli Emas Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Dewan Besar LKIM di sini semalam.

2/11/2021

KOSMO

NEGARA

6

Melonjakkan industri perikanan usaha berterusan kerajaan



RONALD (dua dari kanan) menerima plak jubli emas LKIM ketika Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM di Dewan Besar LKIM di Cyberjaya semalam.

PUCHONG - Kerajaan akan berterusan melonjakkan industri perikanan dalam negara selari dengan Dasar Agro Makanan 2.0 menerusi pelbagai langkah strategik oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Jabatan Perikanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiang berkata, dalam usaha melonjakkan sektor berkenaan, kesejahteraan para nelayan juga akan terus diberikan perhatian oleh LKIM dan pihak kerajaan.

"Pelbagai bantuan serta insentif turut disalurkan oleh kerajaan menerusi pembentangan bajet dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang akan diteruskan, namun pada masa yang sama, industri ini perlu melalui anjakan

ke hadapan melibatkan semua pihak yang terlibat dalam rantai sektor ini.

"Tahun ini kerajaan telah umum dana sebanyak RM150 juta (bot) nelayan daripada kelas A ke kelas yang lebih tinggi. Ia masih dilanjutkan, namun sebahagian besar dana masih belum lagi digahikan," katanya selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Jubli Emas 50 tahun LKIM di sini semalam.

Turut hadir Timbalan MAFI I, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh; Timbalan MAFI II, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi LKIM Datuk Syed Abu Hussain Hafiz Syed Abdul Fasal dan Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Orhman.

Menurut Ronald, kerajaan melihat bahawa dana berkenaan

perlu dimanfaatkan dan perincian di peringkat kementerian perlu dilakukan bagi mencari langkah seperti memudahkan syarat permohonan dan sebagainya.

"Dana ini adalah bagi tujuan permodenan vessel perikanan, jadi ramai di antara mereka masih berada dalam kategori A dan sebagainya yang ingin kekal di kategori tersebut memandangkan peralihan ke kategori seterusnya melibatkan pelaburan lain.

"Bagaimanapun, kita akan pastikan dana tersebut dimanfaatkan sepenuhnya menerusi pelbagai pendekatan. Kita tidak boleh berkehti dan kita akan terus menggalakkan nelayan mengambil langkah beranjak ke hadapan," ujar beliau.

Fishermen looking to better days

Authority aims to improve their livelihoods

By MENG YEW CHOONG
ycmeng@thestar.com.my

PETALING JAYA: Freezing fish caught from the sea during periods of abundance is the way forward to balance days of surplus with scarcity, says Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) chairman Datuk Syed Abu Hussin Syed Abdul Fasal.

Creating a fish buffer stock, he said, is the way to go to ensure a stable price for fish caught.

"This is to prevent glutts during periods of plenty," said Syed Abu Hussin on how LKIM could bring better days ahead for fishermen and ensure an adequate source of protein for the population.

"This also enables the country to look at the export market," said Syed Abu Hussin, who is also Bukit Gantang MP.

He was speaking at an event to mark LKIM's 50th anniversary at its headquarters in Puchong, Selangor, yesterday.

LKIM is a statutory body under the Agriculture and Food Industries Ministry that was incorporated under the Malaysia Fisheries Development Board Act 1971.

This Act took effect on all states in Peninsular Malaysia on Nov 1, 1971; in Sarawak on July 1, 1973; and Sabah on Aug 1, 1995.

Syed Abu Hussin said that in his many trips throughout the country in his capacity as LKIM chairman, he noted that the living conditions of artisanal or small-scale coastal fishermen had essentially remained unchanged over the past five decades.

"Those who have small boats, live in small houses, and many in dilapidated condition. Those who own large boats (Class C), live in large houses. It seems that we have allowed two classes of fishermen to exist over the years," he said as he outlined LKIM's many initiatives to assist poor fishermen.

"Until now, we are still unable to uplift them (the former) from below the poverty line, to the extent that the government has to dispense special subsistence allowances for them," he said.

Syed Abu Hussin also urged his team to hasten their pace as LKIM confronts the various challenges posed in its quest to improve the livelihood of poor fishermen.

"In the years to come, LKIM has

to raise its game to create a sufficient buffer for fish (marine capture), and buy the catch from artisanal or small-scale fishermen so that we can eliminate the role of the middlemen," he said.

Also present at the event were Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee and his two deputies, Datuk Seri Ahmad Hamzah and Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, as well as secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid.

In his speech, Khandee said his ministry had allocated RM6.43mil to repair or renovate houses belonging to fishermen, other than construction of new houses elsewhere under the Special Housing Project for Fishermen (PKPN).

"This project is carried out to help the poorest among the fishermen.

"As a whole, the ministry through LKIM, had allocated more than RM150mil as aid and incentives for the fishing community in the form of Fishermen Subsidence Allowance, fuel subsidies, fishermen's welfare and emergency funds, income diversification schemes, as well as food baskets," he said.

Industri perikanan negara terbela

LKIM pandu kemajuan golongan nelayan, naik taraf ekonomi

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

Penubuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sejak 50 tahun lalu merupakan sejarah penting dalam memandu kemajuan industri perikanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata, sepanjang tempoh tersebut, LKIM menjadi pemangkin kepada usaha peningkatan produktiviti dan taraf hidup serta kedudukan sosioekonomi nelayan di seluruh negara.

Menurutnya, walaupun berdepan pelbagai cabaran sejak penubuhannya pada 1 November 1971, LKIM telah memperlihatkan agensi ini berusaha keras dalam meningkatkan pendapatan nelayan dan menjaga kesejahteraan golongan ini, sekali gus memajukan sektor perikanan negara secara keseluruhannya.

"Kejayaan LKIM berkait rapat dan telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan dari semasa ke semasa menerusi pelbagai program dan inisiatif.

"Usaha itu merangkumi langkah meningkatkan produktiviti tangkapan hasil laut dan mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan melalui pelbagai bidang di keseluruhan rantaian perikanan termasuk aktiviti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, perdagangan serta industri hiliran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis 'Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM Menghargai Nelayan' yang diadakan di Dewan Besar LKIM di sini pada Isnin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salle; Pengerusi LKIM Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal.

Hadir sama, Ketua Setiausaha



Ronald Klandee (tengah) bersama Yusoff (kanan) melihat replika bot nelayan selepas pelancaran sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Othman dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Neknat), Abdul Hamid Bahari.

Beliau berkata, bagi tahun 2021 MAFI melalui LKIM telah memperuntukkan sebanyak RM6.43 juta untuk baik pulih rumah nelayan dan pembinaan rumah baharu kepada nelayan di seluruh negara di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN).

Katanya, LKIM turut memperuntukkan lebih RM150 juta pada tahun ini bagi bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan dan insentif kepada masyarakat Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan serta Program Food Basket Nelayan.

"Pada masa sama, kerajaan juga buat jutting kalinya memperluaskan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Perkeso, kepada golongan nelayan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia.

"Skim ini memberi perlindungan kepada nelayan dan keluarga daripada sebarang bencana pekerjaan dan kemalangan. Setakat ini, sejumlah 35,238 orang nelayan yang juga penerima ESHN telah mendarung di bawah

SKSPS ini dengan nilai bayaran sejumlah RM5.5 juta," ujarnya.

Ke arah DAN 2.0

Usaha pembangunan sektor perikanan juga akan terus diberi penekanan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Dalam usaha meningkatkan kemampanan sumber perikanan negara pula, DAN 2.0 telah merangka pelbagai strategi antaranya mengimbangi nisbah pendaratan ikan marin dan akuakultur dengan nisbah 60:40.

Selain itu, keupayaan pemantauan, kawalan dan pengawasan (MCS) di selitar kawasan marin akan diperingkatkan bagi mengekalkan biodiversiti dan ekosistem yang menjadi sumber perikanan.

Sementara itu, Yusoff berkata antara kejayaan utama LKIM sepanjang tempoh penubuhannya ialah meningkatkan pendapatan nelayan sehingga 20 ke 30 peratus berbanding berbanding 50 tahun lalu.

Katanya, LKIM menyasarkan untuk meningkatkan lagi penyertaan dan peralihan nelayan di seluruh negara kepada operasi perikanan laut dengan menggunakan bot besar.

Bagi Abdul Hamid pula, penubuhan LKIM telah memberi satu harapan kepada nelayan negara sebelum ini hidup di bawah paras kemiskinan.

Katanya, sepanjang penubuhan 50 tahun LKIM, agensi tersebut juga sentiasa



ABDUL HAMID



ABU BAKAR



YUSOFF

meningkatkan program, bantuan dan insentif kepada nelayan di seluruh negara.

"Jika dulu nelayan negara tidak ada elaun sara hidup, tiada sumber pendapatan dan makanan jika musim tengkujuh. Tetapi dengan adanya LKIM dan keprihatinan kerajaan mereka perolehi semua itu kini.

"Kewujudan pasar-pasar nelayan dan pembinaan infrastruktur seperti jeti di seluruh negara dilihat berjaya memberi satu nilai tambah kepada pendapatan kumpulan nelayan," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam berkata, pemberian insentif dan kemudahan seperti subsidi minyak, sara hidup serta penyediaan perumahan amat signifikan dalam membantu nelayan di negeri tersebut yang majoritinya nelayan pesisir pantai.

"Dari segi pendapatan nelayan di Negeri Sembilan, kita tidak menggunakan pukat tunda dan pukat sorong malah kawasan perikanan di sini antara yang terkecil di dalam negara.

"Apabila tiada tangkapan, bantuan seperti ini daripada LKIM inilah yang membantu nelayan meneruskan kelangsingan hidup dan aktiviti mereka," ujarnya.



Ronald Klandee (kiri) bersama Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM yang diadakan di Dewan Besar LKIM.



Ronald Klandee melawat dan mencuba makanan di gerai pameran selepas majlis pelancaran.

Headline	MARDI successfully invent 52 type of paddy rice		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	02 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A17	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	112 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,256
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,768



MARDI成功研发52种稻米品种 国内 90%稻田区皆种植

【北海 1 日讯】大马农业研究与发展局 (MARDI) 总监拿督莫哈末奇巴威指出，迄今该局已成功研发了 52 种稻米品种，包括最新推出市场的 Siraj297、MR303、MR307 及 MR315。他说，国内 90% 的稻田区所种植的品种都是由该局研发。



莫哈末奇巴威 (左 2) 向张凯文 (左 3) 了解榉架式喷雾机的功能。

他说，该局成立已经有 53 年，迄今成功研发了超过 1 千个技术项目，并转移给私人企业生产为公共物品。

他周一在峇城分局接领由农业化学 (马) 有限公司移交榉架式喷雾机 (High Clearance Tractor) 仪式后这么表示。该局同时也分发 190 个食品予前线人员。

他透露，该局 2009 年开始研发的含低淀粉 MRQ103 香米品种，并预计可以在明年通过私人企业推销到市场。

他说，MRQ103 香米适合病患者食用。

他表示，该局作为农业及食品工业部属下的机构，在推行 2021 年至 2030 年国家农业食品政策方面扮演重要的角色，包括通过农业现代化及精明计划加速研发，让农业食品领域朝向科技化。

仪式上，农业化学 (马) 有限公司首席执行官张凯文代表该公司移交具有施肥、播种及喷射农药功能的榉架式喷雾机，出席者包括该公司首席执行官诺查基、农业发展研究所 (研发) 副总监莫哈末卡马及农业发展研究所峇州总监阿敏丁。#

MARDI hasilkan padi beras wangi untuk pesakit diabetes



MOHAMAD ZABAWI (kiri) mencuba jentera penyembur daripada Agrikultural Chemicals (M) Sdn. Bhd. di Kepala Batas semalam.

SEBERANG PERAI – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menghasilkan variasi MRQ 103, padi beras wangi terbaik buat pesakit kencing manis kerana mempunyai skor glisemik (GI) rendah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, penghasilan variasi itu merupakan antara strategi MARDI dalam menyediakan padi berimpak tinggi dalam masa sama menjaga kesihatan orang ramai.

Menurutnya, penghasilan MRQ 103 kini berada di peringkat akhir penyelidikan yang bermula 2009.

"Variasi ini termasuk dalam beras istimewa dan kerajaan

menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) berusaha memperkukuhkan beras istimewa untuk tujuan pasaran tempatan serta eksport kerana ia mempunyai nilai tambah.

"Ia bukan sahaja beras wangi, malah baik untuk kesihatan terutamanya pesakit diabetes," katanya ketika ditemui selepas Majlis Sumbangan Prihatin Anjuran MARDI di sini semalam.

Sementara itu, Mohamad Zabawi berkata, MRQ 103 dijangka mula ditanam dan diperkenalkan di pasaran menjelang tahun depan.

"Kita sedang cari pengilang yang bersesuaian kerana benih variasi ini tidak boleh bercam-

pur dengan beras-beras lain," ujarnya.

Dalam perkembangan berbeza, jelasnya, setakat ini MARDI telah menghasilkan lebih 1,000 teknologi yang digunakan petani, usahawan dan syarikat dalam bentuk kegunaan awam atau komersial.

"MARDI telah hasilkan 52 variasi padi setakat ini dan hampir 90 peratus kawasan jelapang padi di Malaysia ditanam dengan variasi yang kita hasilkan.

"Satu-satu variasi ambil masa antara lapan hingga 10 tahun dan kita akan sentiasa hasilkan yang lebih baik daripada sebelumnya termasuk soal ketahanan penyakit," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	NST	NEWS	13

Padi seed distribution to be finished by Thursday

ALOR STAR: The distribution of certified padi seeds (BPS) to farmers in the Muda Agricultural Development Authority (Mada) area for the 2/2021 season has now reached 86.4 per cent, or 102,644 bags, and the distribution is expected to be completed by Thursday. Mada chairman Ahmad Tarmizi Sulaiman said up to Oct 27, 130,388 bags of BPS were ordered by farmers through the Area Farmers Organisation (PPK). "Several initiatives have been implemented by Mada to ensure planting activities are not disrupted. Mada also conducts regular monitoring of BPS production," he said here on Sunday. He advised farmers to make BPS reservations through PPK to avoid price manipulation by irresponsible parties. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Bajet 2022: Perak mahu tingkat hasil padi setanding Kedah, Selangor



RAZMAN Zakaria (tengah) menyampaikan sumbangan Deepavali kepada penduduk di Semanggol dekat Bagan Serai hari ini. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

BAGAN SERAI: Kerajaan negeri akan menggunakan peruntukan pertanian dalam Bajet 2022 untuk meningkatkan hasil padi negeri ini setanding dengan Kedah dan Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, purata hasil tanaman padi di Perak kini sekitar 3.1 tan metrik sehektar.

Menurutnya, kadar itu jauh lebih rendah berbanding Kedah dan Selangor yang menghasilkan sehingga sembilan hingga 10 tan tan padi sehektar.

“Dalam Bajet 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diperuntukkan RM4.82 bilion melibatkan perbelanjaan mengurus RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan RM1.54 bilion.

“Perak akan memanfaatkan peruntukan yang diberikan nanti untuk mencari kaedah meningkatkan hasil padi di negeri ini.

“Walaupun peruntukan itu belum diperinci dan diagihkan, kerajaan negeri telah merangka untuk memfokuskan ke arah mengatasi masalah kesuburan tanah, pengairan dan infrastruktur.

“Ini bagi membolehkan pesawah di Perak mampu memperoleh hasil padi setaraf dengan Kedah dan Selangor iaitu sembilan hingga 10 tan metrik sehektar,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menyampaikan sumbangan sempena Deepavali kepada 100 masyarakat keturunan India di Dewan Orang Ramai Kampung Jaya, Semanggol di sini hari ini.

Menurut Razman, agensi berkaitan pertanian seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kawasan Pertanian Pembangunan Bersepadu (IADA) dan Jabatan Pertanian perlu berbincang mengenai kaedah yang boleh meningkatkan hasil padi.

“Sekiranya hasil padi mencapai sasaran, pesawah tidak lagi bergantung sepenuhnya pada bantuan kerajaan,” katanya.

Mengenai tuntutan pesawah yang mahukan bantuan RM600, iaitu bantuan sementara menunggu padi masak dikembalikan, Razman berkata, perkara itu belum diperincikan lagi.

Razman sebaliknya mahu pesawah tidak terlalu memikir atau mengharap bantuan kerajaan semata-mata tetapi juga memikirkan cara hendak menyuburkan tanah sawah bagi meningkatkan hasil padi.

“Kerajaan tidak pernah mengabaikan golongan petani dan sentiasa berusaha mencari kaedah serta peruntukan bagi membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

“Kerajaan menyasarkan golongan petani mampu memperoleh pendapatan sehingga RM10,000 sebulan sekiranya mereka berusaha,” katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Alam semulajadi di Pengerang akan dipelihara – Hasni



HASNI Mohammad (kanan) menyampaikan sijil hak milik tanah kepada peneroka pada Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah peringkat Dua di Kompleks Sukan Komuniti, Felda Lok Heng Timur, Kota Tinggi.

KOTA TINGGI: Bagi mengimbangi impak pembangunan khususnya di kawasan Pengerang, kerajaan negeri akan memastikan kawasan alam semula jadi di daerah tersebut akan terus dipelihara.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad berkata, pembangunan dalam industri minyak dan gas di Pengerang adalah sesuatu yang perlu dilakukan.

Beliau tidak menafikan pembangunan berkenaan sedikit sebanyak telah memberi impak terhadap kualiti udara di kawasan berkenaan.

“Pembangunan di Pengerang dan Dasar Perubahan Iklim Negara perlu diseimbangkan. Jadi, saya dan Pegawai Daerah melihat Kota Tinggi perlu dijaga dan dipelihara kawasan alam semula jadinya terutama kawasan hutan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah peringkat Dua, Felda Lok Heng Timur di Kompleks Sukan Komuniti, Felda Lok Heng Timur sempena lawatan kerja ke Daerah Kota Tinggi, di sini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Salehuddin Hassan; Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Mohammed Ridha Abd. Kadir dan Pegawai Daerah Kota Tinggi, Hazlina Jalil.

Hasni berkata, melalui lawatan tersebut memberi peluang kepada beliau dan kepimpinan negeri untuk duduk berbincang bersama-sama kepimpinan di peringkat daerah bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang berlaku di situ.

Jelasnya, selain soal pembangunan di Pengerang, antara isu lain yang dibangkitkan adalah berkaitan pencerobohan kumpulan gajah liar dan masalah bekalan air di Felda Lok Heng.

“Oleh itu kedatangan rombongan kerajaan negeri adalah untuk berbincang dan menyusun penyelesaiannya mengikut keutamaan termasuk isu air di Felda Lok Heng ini,” katanya.

Terdahulu, pada majlis itu, seramai 225 peneroka peringkat dua di Felda berkenaan menerima hak milik tanah masing-masing, manakala bagi hak milik peringkat ketiga nanti, lebih 40 peneroka akan menerima hak milik mereka.

Hasni memulakan lawatan tersebut dengan menghadiri sesi libat urus bersama kepimpinan daerah di Desaru Coast Conference Centre yang dimulakan sesi taklimat mengenai dasar Belanjawan Johor 2022 dan taklimat Projek Pembangunan RP 1: RMK 12.

Beliau turut melawat Projek Perumahan Taman Penawar Harmoni, Bandar Penawar serta menyerahkan Sijil Layak Menduduki Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) taman berkenaan sebelum singgah di Pusat Pengisytiharan Pendaratan Ikan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Musoh untuk beramah mesra dengan komuniti nelayan di situ.

Pada lawatan itu, Hasni turut menyerahkan Geran Pemberian Terus Pejabat Menteri Besar Johor kepada Persatuan Nelayan Kawasan serta menyampaikan sumbangan Bakul Makanan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/11/2021	MSN NEWS	ONLINE	

Yogeswaran tinggalkan restoran antarabangsa untuk berbudi pada tanah



© Provided by Free Malaysia Today Yogeswaran Letchmanan, 37, meninggalkan kerjaya lama sebagai seorang pengurus dapur untuk menjadi usahawan tani pada 2014. (Gambar Facebook)

PETALING JAYA: Yogeswaran Letchmanan suatu ketika dahulu seorang pengurus dapur dan pernah berkhidmat di restoran dari Singapura ke Qatar, termasuk restoran bertaraf Michelin, Market by Jean-Georges.

Beliau tinggalkan semua itu dan kemahiran yang diasah selama berpuluh tahun, untuk menjadi usahawan tani di Melaka.

Sebenarnya, Yogeswaran, 37, memang berminat untuk bercucuk tanam namun tak pernah terlintas untuk menjadikan ia mata pencarian. Lembaran baharu hidupnya tersingkap apabila beliau terjumpa satu kebun kacang panjang berdekatan rumahnya.

Ketika itu, Yogeswaran sedang bercuti enam bulan sebelum terbang ke dapur baharu di China. Beliau berbual dengan pengusaha kebun itu, seorang warga Bangladesh yang mahu menjual tanah seluas dua ekar itu dan pulang ke kampung halamannya.

Yogeswaran segera merebut peluang untuk mengambil alih tanah itu dan dalam beberapa minggu sahaja, Yogeswaran sudah mula menuai hasil pertama kebunnya – dengan dapatan cukup untuk menutup wang yang dibelanjakan untuk membeli tanah itu.



© Provided by Free Malaysia Today Yogeswaran (kiri) berbudi pada tanah berkeluasan 25 ekar itu dengan menanam banyak jenis tanaman seperti timun, cili, tembikai wangi, sayur sawi putih, dan bayam. (Gambar Facebook)

Ini membuka mata Yogeswaran, yang nampak harapan dalam pertanian. Beliau membatalkan hasrat bekerja di China, lalu menjadi petani sepenuh masa.

“Sekarang saya ada 25 ekar tanah dan tanam banyak jenis tanaman seperti cili, timun, tembikai wangi, sayur sawi putih, dan bayam,” katanya.

Katanya lagi, pertanian moden sama sekali lain daripada bertani dahulu kala yang banyak menggunakan tulang empat kerat.

“Pertanian kini sudah berteknologi tinggi. Kita ada sistem fertigasi automatik yang bantu mengawal siraman dan penggunaan baja. Itu semua boleh dilakukan di rumah melalui telefon bimbit,” katanya.

Yogeswaran sama sekali tak menyesal melepaskan kerjaya mengurus dapur restoran terkemuka, kerana berbudi pada tanah suatu perjalanan yang amat berbaloi baginya.

Prospek besar untuk belia

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berharap lebih banyak belia akan mengikut langkah Yogeswaran dan menceburi sektor pertanian.



© Provided by Free Malaysia Today Timbalan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Abdul Rashid Bahri.

Timbalan Pengarah Abdul Rashid Bahri berkata ia penting untuk keselamatan makanan negara dan mengurangkan kebergantungan pada import.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyediakan program Agropreneur Muda bagi menarik lebih ramai belia menjadi usahawan tani.

“Dalam program ini, kementerian akan bantu petani muda dengan menyediakan geran RM20,000, pinjaman sehingga RM200,000 pada kadar faedah 2% bagi mereka yang layak, dan banyak lagi bantuan untuk memulakan perniagaan.

“FAMA juga menawarkan khidmat pemasaran langsung bagi mereka yang menyertai program Kontrak Pemasaran. Melalui khidmat ini, kami sediakan kemudahan logistik seperti pengangkutan dan penyimpanan, serta peralatan pemasaran bagi membantu memacu jualan produk mereka,” katanya.

Beliau berharap ia akan menggalakkan generasi muda untuk lebih melibatkan diri dalam pertanian bagi mencapai matlamat keselamatan makanan negara.

Penternak rugi RM150,000 ikan keli dihanyut banjir

KUALA NERANG – Seorang penternak ikan keli berputih mata apabila kerugian RM150,000 selepas ternakan ikannya itu dihanyutkan dalam kejadian banjir di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng, Naka dekat sini pada Jumaat lalu.

Menurut Amran Shamsudin, 50, lebih 200,000 ekor ikan keli yang dipelihara di dalam enam kolam dihanyutkan selepas kawasan itu ditenggelami air sedalam satu meter pada pukul 3 petang.

Katanya, kawasan kolam berkenaan ditenggelami banjir apabila air di tali air berdekatan melimpah selepas hujan lebat kira-kira dua jam.

"Saya dan lapan pekerja cuba memasang pukal untuk menahan ikan keli itu keluar ke tali air, tetapi usaha tersebut gagal kerana arus deras," kata-

nya ketika ditemui di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng, Naka di sini baru-baru ini.

Amran yang mengusahakan ternakan ikan keli sejak 2007 memberitahu, ikan tersebut yang diternak dalam empat kolam sudah boleh dijual, manakala dua kolam lagi baru sahaja dimasukkan anak ikan.

Katanya, setiap kolam mampu memuatkan antara 100,000 hingga 300,000 ekor ikan keli mengikut saiz kolam.

"Saya hanya sempat mengeluarkan ikan keli sebanyak satu tan ikan untuk dipasarkan dua hari sebelum kejadian.

"Kebanyakan ikan tersebut telah ditempah oleh pemborong di pasar sekitar Alor Setar, Pokok Sena, Jitra dan Kuala Ketil dan ikan keli itu dijual pada harga RM4.20 sekilogram," katanya.



AMRAN (tengah) bersama pekerjanya menunjuk sebahagian ikan keli yang masih terdapat di dalam kolamnya selepas banjir di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng dekat Kuala Nerang pada Jumaat lalu.

200,000 ekor ikan keli di enam kolam hanyut apabila tali air melimpah

Rugi RM150,000 akibat banjir

Oleh MOHD. RIFAAT

ABD. HAMID

utusannews@mediamula.com.my

PADANG TERAP: Seorang penernak ikan keli mengalami kerugian sebanyak RM150,000 apabila hasil peliharaannya itu dihanyutkan dalam kejadian banjir di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng, Naka di sini Jumaat lalu.

Amran Shamsuddin, 50, berkata, lebih 200,000 ekor ikan keli yang dipelihara di dalam enam kolam hanyutkan selepas kawasan tersebut ditenggelami banjir sedalam satu meter pada pukul 3 petang.

Menurutnya, kawasan kolam tersebut ditenggelami banjir apabila air di tali air berdekatan air melimpah selepas hujan lebat kira-kira dua jam.

"Saya dan lapan pekerja cuba memasang pukut untuk menahan ikan keli itu keluar ke tali air tetapi usaha tersebut gagal kerana arus deras," katanya ketika ditemui di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng, Naka di sini

semalam.

Amran yang mengusahakan ternakan ikan keli sejak 2007 memberitahu, ikan tersebut yang ditenak dalam empat kolam telah boleh dijual di pasaran manakala dua kolam lagi baru sahaja dimasukkan anak ikan.

Katanya, setiap kolam mampu menampung sebanyak 100,000 hingga 300,000 ekor ikan keli iaitu bergantung kepada keluasan saiz kolam.

Tambahnya, dia hanya sempat mengeluarkan ikan keli sebanyak satu tan untuk dipasarkan dua hari sebelum banjir.

"Kebanyakan ikan tersebut telah ditempah oleh pemborong di pasar sekitar Alor Setar, Pokok Sena, Jitra dan Kuala Ketil.

"Ikan keli itu dijual dengan harga RM4.20 sekilogram," katanya.

Bagaimanapun tambahnya, dia reda dengan apa yang terjadi kerana semuanya itu adalah ketentuan-Nya.

"Saya hanya mampu berusaha dan tawakal. Pasti ada hikmah di sebalik kejadian itu," katanya.



AMRAN Shamsuddin (tengah) menunjukkan sebahagian ikan keli yang masih terdapat di dalam kolam ternakannya di Kampung Tok Salam, Kubang Kenyeng, Naka, Padang Terap semalam. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

Laman SMK Bukit Jawa dipenuhi serai gunung

PASIR PUTEH: Bermodalkan RM3,000, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jawa di sini menjalankan projek perintis tanaman serai gunung di sekitar sekolah itu sejak pertengahan tahun ini.

Projek dengan kerjasama Pejabat Pertanian Pasir Puteh dan pembekal benih serai gunung, RND Agro Berhad menjadikan laman sekolah tersebut kini dipenuhi lebih 600 rumpun serai gunung yang tumbuh subur.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi PIBG SMK Bukit Jawa, Zainuddin Awang Hamat berkata, setakat ini tiga tanah lapang dalam sekolah itu ditebus guna dengan serai gunung atau nama saintifiknya *Cymbopogon citratus*.

Menurutnya, projek mengambil masa hingga 2023 itu bakal diperluaskan dengan penyertaan 350 ibu bapa berpendapatan rendah atau golongan B40 yang akan mengusahakan tanaman tersebut di laman rumah masing-masing.

"Hasil tanaman yang dituai



ZAINUDDIN Awang Hamat (kanan) bersama Willie Anak Mongin menyempurnakan gimik penanaman serai menggunakan komposit kenaf di SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

secara berkelompok akan dijual kepada RND Agro Berhad. Selain itu, pihak PIBG juga merancang untuk memproses sendiri produk minuman dan kosmetik

berasaskan tanaman itu.

"Seramai 350 ibu bapa sudah mengikuti bengkel penanaman dan pengurusan kebun. Dalam masa dua tahun lagi, seramai 402

lagi ibu bapa akan dilibatkan. Kita juga merancang kerjasama dengan lapan PIBG sekolah berhampiran dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya.

Beliau ditemui ketika menghadiri majlis perasmian Program Komuniti - Projek Tanaman Serai Gunung yang dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Willie Anak Mongin di SMK Bukit Jawa, di sini semalam.

Menurut Zainuddin, apabila dilaksanakan sepenuhnya, dianggarkan terdapat 2,084 rumpun serai bakal menghiasi pekarangan sekolah berkenaan manakala di rumah-rumah pelajar pula, terdapat kira-kira 80,000 rumpun serai ditanam.

"Sebelum ini rumpun serai terawal yang hidup subur tanpa memerlukan pengawasan dalam tempoh empat hingga bulan dituai dan dijual kepada RND Agro Berhad dengan perolehan sebanyak RM3,000.

"Kami juga menjual benih serai kepada sesiapa berminat dengan harga RM5 setiap empat batang. Keistimewaan serai ini kerana saiz bilahnya besar dan cantik sebagai penghias laman rumah selain air rebusannya boleh dijadikan minuman bernutrisi," katanya.

Pokok bukit Perlis bernilai tinggi

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@medamuka.com.my

SELAIN keindahan flora dan fauna, bukit-bukit di sekitar Perlis juga mempunyai keunikan dengan kewujudan pokok-pokok yang mempunyai nilai tinggi.

Antaranya, pokok Bogak atau paku aji dan pokok Pandan Bukit iaitu sejenis tumbuhan liar spesies paku pakis yang tumbuh di celah batu di puncak bukit.

Istimewanya, pokok berkenaan mempunyai nilai komersial cukup tinggi sebagai tanaman hiasan dengan harganya boleh mencecah puluhan ribu ringgit.

Malah, bagi peminat tanaman hiasan, mereka tidak kisah berbelanja lebih atau sanggup menempuh perjalanan jauh beratus kilometer khususnya dari Kelantan,

Terengganu atau Johor untuk ke negeri ini bagi mendapatkan pokok tersebut.

Difahamkan, pokok Bogak hanya terdapat di bukit atau gunung sekitar Perlis dan Kedah manakala pokok Pandan Bukit pula dikatakan hanya wujud di puncak bukit negeri ini.

Bagi seorang penduduk, Nor Hisham Md. Saad, 50, dari Kampung Nesam, Kurung Batang, Kangar, Perlis, dia sanggup menempuh cabaran memanjat sehingga puncak bukit bagi mendapatkan pokok tersebut.

**Bersambung
di muka 22**

NOR Hisham Md. Saad menunjukkan pokok Bogak yang memiliki nilai tinggi.
- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB



Dari muka 21

Dia juga mempunyai kira-kira 15 pokok Bogak termasuk berusia lebih 200 tahun yang ditemukannya di puncak bukit di Kampung Ujung Bukit di sini, sekitar 10 tahun lalu.

Selain itu, Nor Hisham juga mempunyai puluhan pokok pandan bukit dan dalam masa turut menjual pokok berkenaan kepada peminat tanaman hiasan tersebut yang kebanyakannya dari luar Perlis.

Bapa kepada lima orang anak itu berkata, dia sering meluangkan masa lapang bersama rakan-rakan memanjat bukit di sekitar kawasan Batu Pahat di sini bagi mencari pokok berkenaan khususnya Bogak.

Katanya, untuk mendapatkan pokok tersebut bukannya mudah dan perlu menempuh pelbagai cabaran serta berdepan risiko kerana pokok itu tumbuh di celah batu di puncak bukit.

Disebabkan itu, katanya, harga pokok tersebut bernilai cukup tinggi dan bagi peminat tanaman hiasan itu, mereka sudah pasti memahami bagaimana kesukaran bagi mendapatkan pokok bogak berkenaan.

Dia juga pernah menjual pokok Bogak dengan nilai RM12,000 kepada seorang pelanggan dari Terengganu, malah terdapat pokok yang harganya boleh mencecah sehingga RM30,000.

"Dahulu pokok Bogak yang terdapat di rumah saya cukup banyak namun banyak juga yang telah dijual. Yang ada ketika ini adalah pokok-pokok yang berusia lebih 200 tahun, 20 tahun, 10 tahun dan



POKOK Bogak berdaun pelepah lebar yang berusia antara 200 hingga 300 tahun ini menjadi antara koleksi kesayangan Nor Hisham.



...pernah menjual pokok bogak dengan nilai RM12,000 kepada seorang pelanggan dari Terengganu, malah terdapat pokok yang harganya boleh mencecah sehingga RM30,000."



PROSES tumbesaran pokok Bogak memakan lama. Nor Hisham menunjukkan anak pokok berusia setahun.

setahun.

"Pokok berusia 200 sekitar 200 atau 300 tahun di rumah saya ketika ini, ditemukan kira-kira 10 tahun lalu ketika mencari pokok berkenaan bersama rakan-rakan. Masa saya temukan pokok itu, ia sudah besar.

"Pokok Bogak memakan masa sehingga puluhan tahun sebenarnya untuk besar dan penjagaannya tidaklah susah hanya ditanam di kawasan rumah dan membesar dengan sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tambah Nor Hisham, pada masa ini, pokok hiasan berkenaan kembali menjadi trend apabila ramai khususnya peminat dari luar negeri ini mula mencari pokok tersebut.

"Selalunya orang menjadikan pokok Bogak sebagai tanaman hiasan yang ditanam di laman-laman rumah. Malah, bagi mereka yang rajin mencari pokok tersebut ia boleh memberi pendapatan lumayan.

"Sebenarnya bukan mudah untuk mendapatkan pokok tersebut walaupun seperdu kerana pokok itu hidup di celah-celah batu di atas bukit," katanya yang melakukan kerja-kerja kampung.

Sementara itu, anaknya, Nor Helmi pula memberitahu, pokok Pandan Bukit juga terdapat di puncak bukit namun apa yang istimewa ia hanya ditemukan di Perlis.

Katanya, pokok pandan bukit kebanyakan terdapat di puncak bukit sempadan Malaysia-Thailand di kawasan ini.



NOR Helmi bersama pokok Pandan Bukit yang ditanam di rumahnya di Kampung Nesam, Kurung Batang, Kangar, Perlis.

Ujarnya, terdapat lebih 15 pokok tersebut di rumahnya yang berusia puluhan tahun.

"Pokok pandan bukit juga dijadikan sebagai tanaman hiasan dengan harganya juga bernilai ribuan ringgit. Lazimnya, pokok ini ada di atas batu di puncak bukit dan untuk mengambilnya kita perlu memahat batu itu.

"Masa pokok tersebut diambil ia sudah besar. Kami sekeluarga sememangnya suka mencari pokok-pokok

bukit ini yang mempunyai keistimewaan serta keunikan tersendiri," katanya.

Menurut Nor Helmi, pokok pandan bukit mempunyai peminat tersendiri dan ramai yang mencarinya termasuk mereka dari Terengganu.

"Kami sudah jual lebih 30 pokok sebelum ini iaitu kira-kira dua tahun lalu kepada pelanggan yang datang dari Terengganu. Masa itu, kami ambil dari bukit dan terus jual dengan harga sekitar RM12,000," katanya.

Galak penduduk sertai pertanian bandar organik

SAUDARA PENGARANG,

BAJET 2022 yang telah dibentangkan Jumaat lalu tidak lupa untuk memberi fokus terhadap sektor pertanian supaya Malaysia tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import pada jangka masa panjang.

Peruntukan bagi industri pertanian adalah sebanyak RM1.5 bilion termasuk bagi memberi subsidi benih dan baja.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan dan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani serta pengusaha agromakanan.

Sesuai dengan pembentangan bajet itu dan fasa endemik Covid-19 yang baru sahaja bermula, situasi ini perlu disambut baik oleh rakyat dengan mengambil langkah drastik untuk menjana pendapatan.

Antara peluang yang dilihat cerah adalah dalam sektor pertanian bandar organik yang bukan sahaja dilihat mampu menjana pendapatan malah menjadi salah satu usaha memulihara alam sekitar.

Kedudukan Malaysia yang berada di tangga kelapan di rantau Asia Pasifik pada Indeks Keselamatan Makanan Global 2020 bukan petanda negara akan sering berada di kedudukan selesa.

Kedudukan itu boleh jatuh ke tangga bawah dengan perubahan corak permintaan yang sentiasa berubah dan kos sara hidup semakin meningkat hari demi hari.

Isu yang ingin dikupas di sini ialah pertanian bandar organik perlu dijadikan satu format perniagaan lebih jelas dan efisien dalam membantu masyarakat yang mengalami kemerosotan ekonomi keluarga akibat Covid-19.

Pertanian bandar organik boleh dijadikan batu loncatan dalam usaha membantu golongan asnaf, gelandangan dan keluarga yang hilang punca pendapatan untuk bangkit semula bagi meniti hari yang mendatang.

Agensi yang menguruskan hal kebajikan masyarakat seperti pusat zakat negeri boleh

membimbing dan membantu menyediakan geran dana pertanian bandar organik.

Malah, tanah wakaf boleh digunakan untuk menjalankan pertanian bandar organik ini kerana kaedah sedemikian tidak memerlukan pembukaan kawasan pertanian baharu yang harus ditarah tanah atau ditebang pokok.

Cukup sekadar kawasan sedia ada yang boleh dikawal selia dari segi sistem pengairan yang baik dan apa yang menarik, pertanian bandar organik tidak perlu menggunakan bahan kimia yang memudaratkan kesihatan sekali gus mengurangkan kos selenggaraan secara total.

Pemain industri yang boleh dijadikan rujukan ialah Ladang Organik Sunway yang terletak di Ipoh, Perak.

Kelebihan yang ada pada ladang sedemikian adalah penggunaan kaedah pertanian organik yang mesra alam semula jadi bagi memastikan pembeli dapat menikmati makanan yang selamat serta bebas bahan kimia.

Langkah sama turut dibuat oleh syarikat Sunway XFarms di Selangor yang meletakkan sasaran untuk mewujudkan ladang pertanian bandar organik dalam lingkungan lima kilometer dari setiap kawasan perumahan.

Kesimpulannya, sudah sampai masa kita mengguna pakai sumber yang tersedia dengan mengaplikasikan kaedah yang lebih inovatif seperti pengurusan tanah wakaf dan dana zakat untuk pertanian bandar organik.

Masyarakat perlu membiasakan untuk hidup lebih sihat dengan memastikan sumber makanan tidak tercemar dengan bahan kimia.

Malah, memilih sumber makanan seperti pertanian organik mampu memanjangkan jangka hayat manusia dan alam sekitar. Akhir kata, sumber makanan yang *halalan toyibban* (baik) merupakan fardu (kewajipan yang dituntut) untuk umat Islam.

**NURUL ZAMRATUL ASYIKIN AHMAD
& HARNIYATI HUSSIN**
UiTM Melaka Kampus Alor Gajah



Pertanian bandar organik mampu menjana pendapatan untuk penduduk yang hilang pekerjaan.

Bajet 2022 tidak ubah nasib pesawah

Oleh KU SYAFIQ KU FOZI
kusyafiq.fozi@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bajet 2022 yang dibentangkan kerajaan Jumaat lalu dilihat tidak melindungi pesawah apabila golongan itu masih perlu menanggung sepenuhnya kenaikan kos bersawah yang naik hampir setiap tahun.

Pengerusi Pertubuhan Persewahan Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yaacob berkata, belanjawan yang dibentangkan tidak membawa apa-apa perubahan dalam industri padi dan beras apabila hanya subsidi sama yang memang wajib diberikan kepada pesawah

diulang sebut berkali-kali.

"Kata beliau, ketika kos bersawah naik berlipat kali ganda, jumlah subsidi yang diberikan masih sama.

"Ini tidak adil kerana harga beras dan harga padi tidak dinaikkan seiring dengan harga kos. Selama ini, harga beras dikawal pada RM2.50 sekilo manakala harga minimum terjamin padi (sudah menjadi harga tetap di peringkat kilang) masih RM1.20 sekilo.

"Ini tidak termasuk faktor potongan pemutuan (potongan untuk mendapatkan berat bersih) yang semakin tinggi oleh kilang beras," katanya

dalam kenyataan semalam.

Menurut Mohd. Fuad, situasi itu menunjukkan beras murah yang dinikmati rakyat Malaysia sebenarnya ditanggung sepenuhnya oleh pesawah yang terpaksa menampung kos yang meningkat namun harga jualan ditetapkan pada kadar rendah.

"Hal ini tidak berlaku kepada sayuran, ikan dan makanan lain yang harganya naik apabila kos meningkat, iaitu kenaikan kos ditanggung juga oleh pemborong dan pengguna.

"Bajet 2022 juga ada membantu pihak petani dan pengeluar makanan lain yang menghadapi kenaikan kos tetapi

tidak membantu pesawah yang mengeluarkan makanan ruji rakyat Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, dalam nada kecewa, Mohd. Fuad mencadangkan supaya kerajaan mengapungkan sahaja harga beras jika tidak mahu memberikan subsidi yang merupakan balasan ganti kepada kawalan harga padi dan beras.

Bagi memastikan rakyat masih mampu untuk membeli beras, beliau mengesyorkan supaya kerajaan memberikan bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah dan rentan.

"Namun sebelum itu, sistem

yang sudah tidak betul sekarang mesti diperbetul. Monopoli benih dan input pertanian mesti dihapuskan. Biarlah semua pihak boleh mengeluarkan benih, kilang apa pun dibolehkan mengeluarkan benih, syarikat apa pun boleh membekalkan input pertanian.

"Kilang-kilang beras juga mesti dibantu untuk ditubuhkan. Perbanyakkan kilang walaupun kilang kecil-kecilan di kawasan komuniti setempat menggunakan mesin kecil sekalipun.

"Ini lebih adil daripada dikawal harga beras, diberi subsidi tetapi tidak melihat kenaikan kos yang berganda-ganda," katanya.



Petronas anugerah PSC kepada POSCO International, PCSB

PETALING JAYA: Petrolia Nasional Berhad (Petronas) menganugerahkan Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) untuk Blok PM524 kepada POSCO International E&P Malaysia Sdn. Bhd. dan Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB).

Syarikat minyak dan gas negara itu berkata, perjanjian itu menetapkan 80 peratus kepentingan penyertaan kepada POSCO manakala baki 20 peratus lagi milik PCSB.

POSCO International merupakan anak syarikat milik penuh syarikat pembuat besi Korea Se-

latan, POSCO International Corporation manakala PCSB ialah anak syarikat milik penuh Petronas.

Blok PM524 terletak di kawasan prolifk Lembangan Melayu yang dikelilingi beberapa telaga pengeluaran utama termasuk Tangga Barat yang membekalkan gas kepada pasaran Semenanjung Malaysia.

Naib Presiden Kanan Pengerusan Petroleum Malaysia Petronas, Mohamed Firouz Asnan berkata, pihaknya mengalu-alukan kehadiran POSCO International ke industri hulu minyak



dan gas Malaysia.

Kata beliau, sebagai pemain baharu di Malaysia, POSCO International akan membawa pengalaman mereka dalam mengenaldalikan telaga gas di bahagian

lain rantau ini, termasuk pembangunan teknologi penyimpanan karbon.

"Penganugerahan ini terus mengukuhkan daya tarik Malaysia sebagai destinasi untuk syarikat membangunkan portfolio tenaga mereka dan maju dalam peralihan tenaga.

"Di bawah aset dan strategi pemain kami yang tepat, disokong rejim fiskal yang progresif, kami berharap dapat memanfaatkan sepenuhnya nilai jangka panjang sumber hidrokarbon di Malaysia, terutamanya di Semenanjung Malaysia yang permintaannya

dijangka bertambah," katanya dalam kenyataan semalam.

PSC tersebut ditandatangani dalam majlis maya yang diadakan semalam.

Petronas diwakili Mohamed Firouz manakala kontraktor pengaturanan petroleum diwakili Ketua Pegawai Eksekutif POSCO International, Si-Bo Joo dan Ketua Pegawai Eksekutif PCSB, Hasliza Othman.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Hulu Petronas, Adif Zulkifli.